

Rujukan Kami : UTMJ.08.01/10.11/1/1 Jld. 2 (14)
Tarikh : 11 Mei 2021 / 29 Ramadan 1442

<< senarai penerima seperti di lampiran >>

YBrs. Dato'/Prof.,

**PEMAKLUMAN PENTING BERKAITAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)
SECARA BERSEMUKA (FTF) DAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II SESI 2020/2021**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Universiti perlu membuat beberapa ketetapan semula berdasarkan kepada Kenyataan Media Y.A.B. Perdana Menteri bertarikh 10 Mei 2021, Pekeliling Akademik Bil. 1/2021 bertarikh 3 Februari 2021, Pekeliling Akademik Bil. 2 /2021 bertarikh 19 April 2021 dan Pekeliling Pelajar Bil. 6/2021 bertarikh 10 Mei 2021.

3. Dimaklumkan bahawa P&P secara bersemuka yang dijadualkan akan dilaksanakan selepas Cuti Hari Raya Aidilfitri adalah **DIBATALKAN sehingga tamat sesi perkuliahan Semester II Sesi 2020/2021**. Pelaksanaan Peperiksaan Akhir yang melibatkan pengawasan peperiksaan secara fizikal dan peperiksaan bertulis juga **DIBATALKAN**.

4. Semua urusan akademik yang terkesan berdasarkan pemakluman ini akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan) pada 20 Mei 2021 dan Mesyuarat Senat pada 25 Mei 2021. Perincian perkara ini akan dikeluarkan melalui pekeliling akademik selepas diluluskan dalam Mesyuarat Senat.

Sekian, atas kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

'Prihatin Rakyat : Darurat Memerangi Covid-19'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. TS. DR. ZAINUDDIN BIN ABD. MANAN)
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

Dekan
Fakulti Kejuruteraan

Dekan
Fakulti Sains

Dekan
Fakulti Alam Bina

Dekan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
Kampus Johor Bahru
JOHOR.

Dekan
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)

Dekan
Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR)

Dekan
Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)
Universiti Teknologi Malaysia
Kampus Kuala Lumpur.